



Shuqun Primary

To Serve with  
Quality

SCH Form B - Sch LetterHead (B-W) Template (ver 06-01-001).doc  
Ref : 2009/PAR/01/GT

12 Jan 2009

Kepada: Sekalian Shuqunites & Ibu Bapa / Waris

## Mengubah Hidup Ke Arah Kecemerlangan

Enam bulan terakhir ini merupakan masa-masa penggabungan dan renungan untuk pihak sekolah. Sekolah ini telah menjalani *Latihan Pengesahan Luaran (EV)* di bawah *School Excellence Model (SEM)* pada bulan Ogos. EV yang terakhir untuk sekolah ini selesai dijalankan pada tahun 2003. Keputusan EV yang terkini menunjukkan bahawa kami telah naik satu band dari segi kecemerlangan organisasi. Renungan organisasi kami bagaimana pun diteruskan sambil kami berunding dengan para pelajar, ibu bapa, alumni dan pemegang saham sekolah yang lain untuk melihat ke mana tiga tahun yang mendatang ini akan membawa kami. Maklum balas yang kami terima dari setiap arah menunjukkan bahawa sekolah kami sedang bergerak ke arah yang betul. Kami patut terus memupuk bintang-bintang melalui program-program utama seperti **Program Duta Pelajar (SAP)**, **Program Lanjutan untuk Kecemerlangan (APEX)** dan **Kepimpinan & Perkembangan Peribadi Pelajar (SLCD)**. Kami juga perlu meningkatkan bahagian-bahagian penting seperti **BASICS (Basic Academic Success for Independent Confident Shuqunites)** dan **Professional Learning Communities (PLC)** untuk kakitangan kami.

Kemelesetan ekonomi global pada masa ini menyediakan peluang yang besar bagi Singapura untuk meningkatkan usaha dari segi kepimpinan dalam bahagian pendidikan, kewangan dan sains. Pelbagai peluang timbul kerana kedudukan Shuqun yang baik untuk meraih manfaat dari pembangunan-pembangunan di sekeliling kami seperti *Pusat Sains yang baru* dan *Kawasan Tasik Jurong*. Pada 2010, kampus Universiti Teknologi Nanyang (NTU) yang berdekatan juga akan menjadi salah satu tempat untuk mengacarai Sukan Olimpik Belia (YOG) dunia yang pertama. Kami semua – para guru, ibu bapa, alumni dan rakan kongsi kami – mesti merebut semua peluang ini untuk memberikan pelajar-pelajar kami kelebihan utama dalam dunia yang penuh dengan bakat. Lantas, kami telah menggabungkan tema untuk renungan kami “**Mengubah Hidup**” dengan tema untuk Hari Penyampaian Hadiah “**Ke Arah Kecemerlangan**” sebagai fokus kami bagi tiga tahun yang mendatang – “*Mengubah Hidup Ke Arah Kecemerlangan (Transforming Lives Towards Excellence)*”.

Pada 2009, pihak sekolah akan bekerja keras untuk membina “**Angkatan Pendidik Bertaraf Dunia (World Class Teaching Force)**”. Ini akan membawa kita sejajar dengan usaha MOE ke arah *Hab Pendidikan Global*. Pada 2010, usaha kami untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran seharusnya menampakkan keputusan yang semakin baik. Kami sepatutnya melihat “*Segugus Bintang (A Constellation of Stars)*” terbit daripada pelajar-pelajar kami yang seramai lebih daripada 2000 orang. Ini bermakna bahawa setiap *Shuqunite* harus berpeluang untuk menunjukkan bakat yang diasuh melalui usaha berterusan guru-guru, ibu bapa dan alumni. **Mereka patut mencabar diri mereka untuk mencapai kecemerlangan dalam PSLE dan menang dalam pelbagai pertandingan bakat seperti Math Olympiad, Anugerah Sony Creative, SYF, Kejuaraan Sukan Nasional dan Pertandingan Antarabangsa untuk Sekolah-sekolah NSW**. Sehingga 2011, kami patut melihat sekolah ini muncul dengan **Best Practice Awards (BPA)** dalam bahagian seperti Pengajaran dan Pembelajaran dan Pembangunan Menyeluruh Pelajar.

Seperti yang dimaklumi, cabaran bagi Singapura untuk mengharungi krisis ekonomi pada masa ini adalah sesuatu yang benar. Permohonan-permohonan bantuan kewangan kami telah pun mencapai tahap yang sama dengan tahun-tahun yang terdahulu walaupun penggal sekolah belum bermula. Lebih ramai pelajar meminta bantuan kerana keluarga mereka telah terjejas akibat pembuangan kerja dan pengurangan gaji. Sehubungan dengan itu, cabaran bagi sekolah kami untuk memupuk sebutir bintang dalam setiap *Shuqunite* memerlukan semua dewasa untuk sama-sama

mempersiapkan anak-anak kita bagi menempuhi masa depan yang lebih mencabar selepas krisis ini. Kota-kota global yang hebat seperti New York, Shanghai mempunyai penduduk yang berbakat dan kuat semangat. Mereka mengamalkan kesungguhan sehingga apa yang mereka lakukan diketahui seluruh dunia. Sehubungan dengan itu, kita mesti membina semangat yang kuat dan sikap tabah dalam diri anak-anak agar mereka berusaha untuk mencapai kecemerlangan.

Kami telah memulakan usaha-usaha asas “*World Class Teaching Force*” sejak tahun lalu. Kakitangan kami telah diatarkan semula kepada dua kumpulan utama untuk mengembangkan kurikulum dalam dua bahagian yang amat penting dalam perkembangan menyeluruh pelajar: **Academic Development Group (ADG)** dan **NExTgen<sup>1</sup> Group (NEG)**. Ahli-ahli ADG akan memberikan tumpuan kepada kajian bertindak dan perkembangan kurikulum untuk membawa setiap Shuqunite sejajar dengan kelakonan akademik mereka. Ini termasuklah kajian dalam dua bahagian seperti bagaimana hendak mengatasi salah tanggapan dalam Matematik dan Sains serta strategi-strategi untuk menguasai bahasa Inggeris bagi para pelajar yang datang dari keluarga yang tidak menggunakan bahasa tersebut. Guru-guru ADG dalam Jabatan Bahasa Cina juga akan membentuk **Pusat Bahasa dan Budaya Cina** sebagai sebahagian usaha untuk mengembangkan strategi-strategi pengajaran bagi memupuk pelajar-pelajar yang boleh cemerlang.

*Desired Outcomes of Primary School Education*<sup>2</sup> MOE mengutarakan kenyataan bahawa pelajar-pelajar kita mesti belajar untuk membezakan yang betul dengan yang salah serta mencintai Singapura. Nilai-nilai dan perkembangan peribadi adalah kunci kepada pendidikan sekolah rendah walaupun matlamat kami untuk mencapai keputusan PSLE yang baik kadangkala kelihatan membayangi tujuan sekolah yang lebih kritikal ini. Sehingga kini, Shuqun bangga sebagai sebuah sekolah yang telah berjaya menjalankan pendidikan menyeluruh dengan baik. Kumpulan NExTgen akan memfokuskan usaha mereka kepada **perkembangan kepimpinan & peribadi pelajar** melalui program-program **pembelajaran autentik** seperti **Pendidikan di Luar Bilik Darjah (Outdoor Education)** dan Program Duta Pelajar.

Ketika yang dewasa bekerja keras pada tahun baru dan menarik ini, izinkan saya untuk menyatakan jangkaan-jangkaan saya untuk semua pelajar. Pada 2009, pelajar-pelajar kami mesti bertujuan untuk:

1. **Mendapatkan Anugerah Bintang Shuqunite (Shuqunite Star Award) anda.** Kami percaya bahawa setiap pelajar mempunyai sekurang-kurangnya satu bakat terpendam atau tersembunyi yang boleh diperkembangkan. Di Shuqun, anda boleh mendapatkan pin kolar bintang dalam *Khidmat Kepimpinan, Sukan, Kecemerlangan Akademik, Estetik dan Sains/Teknologi*. Anda boleh mendapatkan bintang anda dengan berjaya dalam pertandingan-pertandingan seperti pertandingan antara sekolah atau pertandingan Anugerah Sony Creative.
2. **Ambil bahagian secara aktif dalam CCA.** Semua pelajar dari P3 hingga P6 mesti menyertai *Kegiatan Kokurikular (CCA)* selama 60 jam. Sekurang-kurangnya 40 jam dari waktu CCA akan didapati dari kegiatan mingguan yang dijalankan (contoh, Boys' Brigade, Golf, Sukan Layar, Meluncur di atas Ais, Kelab Edison's, Koir & Kumpulan Pancaragam Sekolah). 20 jam yang selebihnya akan didapati melalui perkhemahan, Sukan atau kegiatan pengayaan yang lain. Para pelajar mesti mencapai *penyertaan 100%* selama 60 jam sebelum mereka layak menerima *Gred Kelakonan Cemerlang (Excellent Conduct Grade)*.
3. **Lulus ujian NAPFA dan mengekalkan berat badan yang sihat.** Badan yang sihat adalah bahan asas untuk kehidupan yang berjaya. Setiap orang harus lulus NAPFA (National Proficiency in Fitness Assessment) kecuali mereka telah disahkan tidak sihat oleh seorang doktor. Selain lulus dalam NAPFA, anda juga harus memastikan bahawa anda mempunyai berat badan yang sesuai. Sesiapa yang mempunyai berat badan yang berlebihan akan disertakan dalam program pengurusan berat badan yang khas.

---

<sup>1</sup> NExTgen bermaksud “National Education eXcellence for Tomorrow's Generation”

<sup>2</sup> “Desired Outcomes of Education”, Rujukan – <http://www.moe.gov.sg/education/desired-outcomes/>

4. **Bekerja keras untuk mendapatkan kemajuan 5 markah bagi setiap ujian dan peperiksaan.** Semua pelajar harus mengambil pelajaran mereka secara serius dan bekerja keras untuk melihat kemajuan sebanyak 5 markah dari satu ujian berbanding dengan ujian yang lain.
5. **Jadilah Bintang Shuqunite.** Sebutir Bintang Shuqunite adalah seseorang yang “Rakyat yang Mempunyai Hubungan Global, Warga Singapura yang Berpengetahuan dan Berakar Umbi (*Connected Global Citizens, Knowledgeable Rooted Singaporean*)”. Mengamalkan 10 nilai teras iaitu Integriti, Minat Mendalam, Hormat, Tekad, Keberanian, Penyayang, Bertanggungjawab, Cemerlang dan Keterbukaan. Gunakan semua peluang yang ada untuk berlatih mengamalkan nilai-nilai ini melalui peranan anda sebagai duta muda Singapura jika anda ke luar negara di bawah Program Duta Pelajar atau ketika anda menjadi tuan rumah kepada pelajar-pelajar asing di bawah program Friends4LIFE.
6. **Memelihara Alam Sekitar (Go Green).** Fikirkan tentang bagaimana anda boleh jalankan bahagian anda untuk memelihara alam sekitar melalui 4R: Tanam semula (*Re-plant*), Guna semula (*Reuse*), Pengurangan (*Reduce*) & Kitar semula (*Recycle*).

Semoga anda gembira dan berjaya pada tahun baru ini!

Yang turut bekerja keras

Encik Tsu Chin Sun Gary, Pengetua